

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM BANDAR SELAMAT NEGERI JOHOR 2012
DAN LAWATAN KERJA INISIATIF NKRA MAJLIS PERBANDARAN KULAI
06/03/2012**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani Bin Othman,
Menteri Besar Johor,

Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Bin Tun Hussein,
Menteri Dalam Negeri,

Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Lajim Bin Haji Ukin,
Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan,

Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor, Ahli Parlimen, Wakil-Wakil Rakyat
Negeri Johor, Pegawai-Pegawai Atasan Kerajaan,
Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

1. Alhamdulillah, segala puji ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya, maka kita dapat hadir bersama-sama dalam Majlis Perasmian Program Bandar Selamat Negeri Johor 2012 dan Lawatan Kerja Inisiatif NKRA di Majlis Perbandaran Kulai anjuran bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kerajaan Negeri Johor.

2. Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dan Majlis Perbandaran Kulai serta Kementerian Dalam Negeri di atas kerjasama untuk menjayakan majlis ini.

3. Sebagaimana Tuan Tuan dan Puan Puan sedia maklum, Kerajaan kini sedang giat menggerakkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dengan tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), yang diikuti oleh Program Transformasi Ekonomi (ETP) dengan 131 Projek Ekonomi Permulaan (EPP) agar menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju dari segala aspek menjelang tahun 2020.

4. Salah satu daripada bidang NKRA adalah program NKRA untuk mengurangkan jenayah. Program transformasi yang mula dilaksanakan semenjak tiga tahun lalu kini telah mula membuah hasil.

Tuan tuan dan Puan puan,

5. Sukacita saya memaklumkan pada hari ini bahawa, pada tahun 2011 indeks jenayah keseluruhan negara telah berkurangan sebanyak 11 peratus berbanding pada tahun 2010, melebihi daripada sasaran yang ditetapkan sebanyak 5 peratus.

6. Pencapaian ini diiktiraf secara global dimana dalam Indeks Keamanan Global (Global Peace Index) 2011, Malaysia telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dari segi keselamatan dan keamanan. Pada tahun 2011, Malaysia adalah negara teraman dan terselamat di kalangan negara Asia Tenggara dan berada di tempat ke-19 daripada 153 negara

berbanding tempat ke-26 pada 2009.

7. Hasilnya, masyarakat antarabangsa semakin yakin untuk melabur di Malaysia. Di sini, saya juga ingin memaklumkan bahawa pelaburan asing telah meningkat sebanyak RM33 bilion pada tahun 2011 mengatasi jumlah pelaburan RM29 bilion yang dicapai sebelum kekangan ekonomi dunia pada tahun 2007.

Tuan tuan dan Puan puan,

8. Rekod prestasi negara-negara maju menunjukkan pusat-pusat bandar akan membentuk nadi kepada sesuatu ekonomi berpendapatan tinggi. Oleh itu, persekitaran bandar selamat dan tenteram yang mampu menarik penduduk berkemahiran tinggi adalah amat penting untuk merebut peluang pelaburan dan perkerjaan. Menjelang tahun 2020, dianggarkan 65 peratus penduduk Semenanjung Malaysia akan mendiami kawasan bandar. Walaubagaimanapun, proses urbanisasi di seluruh pelosok dunia sering diiringi dengan peningkatan kadar jenayah juga.

9. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM218 juta sejak 2010 untuk melaksanakan langkah-langkah berimpak tinggi dalam Program Bandar Selamat. Langkah-langkah tersebut membabitkan pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor, pemasangan cermin keselamatan, CCTV, pencahayaan, penggera keselamatan dan pemetaan sistem maklumat geografi (GIS) jenayah. Langkah-langkah ini merupakan “low lying fruits” yang signifikan untuk membanteras jenayah di kawasan “hot spot”.

10. Sehubungan itu 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Johor telah menerima sebanyak RM26.1 juta setakat ini dan sehingga Disember 2011, PBT-PBT tersebut telah:

- i. menyediakan 88 CCTV yang dipantau dibilik kawalan disetiap PBT dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD);
- ii. membina rel penghadang dan mengasingkan 13km laluan pejalan kaki dari kenderaan bermotor;
- iii. memasang 281 cermin keselamatan di liku lorong bangunan; dan
- iv. memasang atau menaik taraf 909 lampu jalan.

11. Di kawasan Majlis Perbandaran Kulai (MPKU) khususnya, sebanyak 680 meter rel penghadang telah dibina, 16 CCTV telah beroperasi serta 8 cermin keselamatan dan 30 lampu jalan baru telah dipasang atau dinaik taraf.

12. Hasil usaha-usaha terperinci tersebut, kadar jenayah jalanan Negeri Johor pada 2011 khususnya telah dapat diturunkan sebanyak 14.4 peratus berbanding dengan tahun 2010 manakala kadar jenayah berat telah turun sebanyak 15.5 peratus dalam pada masa yang sama. Kadar pengurangan ini adalah jauh lebih baik daripada kadar pengurangan purata negara yang masing masing adalah 7.7 peratus dan 10.2 peratus bagi jenayah jalanan dan jenayah berat. Namun begitu, kerajaan tidak hanya berpuas hati dengan pencapaian ini, tetapi akan terus mempergiatkan langkah Program Bandar Selamat. Oleh itu sebanyak 108 CCTV, 965 lampu jalan serta 1500 tempat letak motosikal berkunci serta lain lain langkah, kini sedang giat dirancang untuk ditambahkan di bandar- bandar Johor dalam tahun ini.

Tuan tuan dan Puan puan,

13. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada polis dan pihak

berkuasa tempatan kerana telah berjaya bersama-sama mengurangkan kadar jenayah sehingga kini. Saya bagi pihak polis ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada mereka yang sentiasa menyumbang tenaga dan keringat kepada pihak polis untuk membantu mencegah jenayah di sekitar kawasan setempat seperti Angkatan Relawan Rakyat (RELA) dan Sukarelawan Simpanan Polis (SSP) yang ditugaskan bersama pihak polis di kawasan “hot spot” serta mereka yang menyertai aktiviti Rakan Cop, Community Policing, Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan sebagainya.

14. Tugasan mengurangkan kadar jenayah tidak hanya terletak di atas bahu pihak kerajaan semata-mata, tetapi rakyat juga memainkan peranan utama untuk memelihara keselamatan awam dan individu agar selamat daripada menjadi mangsa jenayah.

15. Perubahan fundamental dalam fabrik sosial dimana masyarakat masa kini lebih bebas dan “participatory”, menuntut evolusi ke arah penguatkuasaan yang lebih berkesan. Ia juga memerlukan penekanan kepada gaya menangani jenayah yang lebih proaktif. Paling penting rakyat harus “take ownership” dan mengambil tanggungjawab untuk memerangi jenayah di dalam komuniti mereka sendiri. Penglibatan masyarakat setempat adalah kritikal dalam memberi petunjuk dan maklumbalas supaya pihak polis dapat memberi keutamaan yang sesuai dalam penambahbaikan usaha menangani jenayah. Perkongsian pintar antara pihak polis dan anggota awam melalui platform sukarelawan seperti RELA dan SRS adalah batu loncatan penting untuk menjayakan usaha memerangi jenayah yang tidak lagi reaktif.

16. Namun begitu saya ingin mengingatkan dalam keghairahan kita untuk mengurangkan kadar jenayah yang kita impikan bersama, Malaysia yang sedang kita cipta ini hendaklah menjadi satu negara yang akan senantiasa mengamalkan demokrasi berfungsi dan inklusif, di mana keamanan dan ketenteraman awam terus terpelihara. Oleh itu, dalam masa yang sama, hak-hak asasi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan mestilah dihormati. Pihak polis, agensi sukarelawan dan masyarakat setempat dalam bekerjasama melaksanakan tanggungjawab memerangi jenayah, harus senantiasa berteraskan kedaulatan Undang Undang dan keluhuran Perlembagaan.

17. Akhir kata, saya ingin menyeru Petugas Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan ahli-ahli Persatuan Penduduk untuk turut bersama-sama terlibat dalam Program Bandar Selamat ini, supaya gelombang sukarelawan dapat dipertingkatkan dan semakin ramai anggota masyarakat bersama-sama menggalas tanggungjawab menjaga kesejahteraan negara amnya dan mencegah jenayah khususnya.

18. Pengalaman Bandaraya New York dalam mengurangkan jumlah kes jenayah setiap 100,000 penduduk daripada 6363 pada tahun 1990 kepada 3099 pada tahun 2000 menunjukkan penambahbaikan drastik seperti ini tidak mustahil. Ia cuma memerlukan komitmen jangka panjang penduduk setempat dalam perkongsian pintar dengan pihak polis. Dengan penglibatan komuniti secara menyeluruh, saya amat yakin Program Bandar Selamat Negeri Johor mampu mewujudkan bandar serta bandaraya paling selamat di rantau ini.

19. Dengan itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Program Bandar Selamat Negeri Johor 2012.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.